



## TALKING POINTS MENTERI PERTAHANAN

### TINJAUAN KE KAWASAN BANJIR DI JOHOR 6 JANUARI 2024 (SABTU)

#### [SALUTASI]

1. Bismillahirrohmanirrohim. Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

#### [PENGHARGAAN]

2. Terima kasih kepada rakan media yang hadir pada hari ini.

#### [STATUS KEADAAN SEMASA]

3. Saya mendapat maklumat berakhir pagi tadi bahawa jumlah mangsa yang terjejas di Johor seperti yang dilaporkan melibatkan empat (4) daerah iaitu:

- |    |             |               |
|----|-------------|---------------|
| a. | Mersing     | : 271 mangsa. |
| b. | Kluang      | : 60 mangsa.  |
| c. | Johor Bharu | : 420 mangsa. |
| d. | Kota Tinggi | : 724 mangsa. |

\* Keseluruhan : **1475** [akan dikemas kini]

4. Saya agak terkesan dengan situasi yang melanda negeri Johor dan hari ini berkesempatan membuat tinjauan ke beberapa kawasan. Pada waktu yang sama, saya turut meninjau keadaan persediaan atur gerak dan kesiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sini.

### **[ATUR GERAK ATM]**

5. Untuk maklumat rakan-rakan media, saya dimaklumkan bahawa ATM sentiasa bersiap sedia di semua tempat dan di negeri Johor, atur gerak semasa ATM pada masa kini adalah di empat (4) daerah iaitu Kota Tinggi, Johor Bharu, Kluang dan Mersing adalah seperti berikut:

a. Trup ATM melibatkan **5 Pegawai** dan **64 Anggota Lain-Lain Pangkat (LLP)**.

b. **Atur Gerak Aset.**

1) **Mobiliti Daratan.** Melibatkan 3 kenderaan 1 Tan, 3 kenderaan 3 Tan dan 1 kenderaan 7 Tan.

2) **Mobiliti Perairan.** Melibatkan 6 buah bot dan 6 OBM.

6. Secara keseluruhan siap sedia trup ATM di seluruh negara terdiri daripada **995 Pegawai** dan **16,094 anggota LLP** melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM) selaku Peneraju Op MURNI dibantu oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

a. Aset mobiliti daratan, perairan dan udara ATM yang telah bersiap sedia bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 mulai 2 Oktober 2023 adalah seperti berikut:

- 1) . **Mobiliti Daratan**. Melibatkan 345 kenderaan 1 Tan, 503 kenderaan 3 Tan, 26 kenderaan 5 Tan dan 20 kenderaan 7 Tan.
- 2) **Mobiliti Perairan**. Melibatkan 356 buah bot, 302 OBM dan 7,975 *life jacket*.
- 3) **Mobiliti Udara**. Melibatkan 25 buah pesawat.

7. Selain itu, saya juga telah sempat mendengar taklimat kesiagaan ATM bagi OP Murni iaitu melibatkan bantuan banjir di seluruh negara pada 18 Disember 2023 yang lalu. Gambaran menyeluruh mengenai pelaksanaan telah diterangkan kepada saya dan saya memberi kepercayaan penuh kepada ATM dalam persediaan membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semasa banjir akan dapat diselaraskan oleh pihak ATM dengan baik.

8. Baru-baru ini juga ATM telah menerima aset *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR) bernilai RM9.97 juta dan sumbangan dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi keperluan perolehan peralatan sokongan OP MURNI untuk kegunaan operasi semasa dan fasa pascabanjir.

### **[HARAPAN]**

9. Saya juga menerima laporan berkaitan bantuan yang disalurkan oleh ATM kepada mereka yang terjejas baru-baru ini di negeri Terengganu dan Kelantan. Dan kita percaya sekiranya banjir di Johor semakin buruk, pihak ATM akan sentiasa bersedia sedia membantu dalam apa jua keadaan.

10. Koordinasi dan kerjasama yang rapat dengan semua agensi-agensi lain turut diperkemaskan dari semasa ke semasa dalam memantau, mengawasi dan menghulurkan bantuan terutama dalam membantu mangsa banjir ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

11. Selain daripada itu, pemantauan berterusan terhadap cuaca dan perkembangan yang berkaitan turut dibuat dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia).

12. Menjadi matlamat dan harapan besar buat saya bersama barisan kepimpinan MINDEF dan ATM untuk kita terus memberikan yang terbaik kepada rakyat dan negara dalam konteks perlindungan keselamatan dan kesejahteraan. ATM akan sentiasa bersedia dan berkhidmat demi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang Selamat, Berdaulat dan Makmur.

**YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN**  
**MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA**